

Sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pahang Meriah



Kuantan, 16 September- Lebih 4,000 pengunjung berbilang kaum hadir memeriahkan sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pahang 2017 anjuran Jabatan Perpaduan Negeri Pahang yang berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang baru-baru ini.

Sambutan yang bertemakan *Negaraku Sehati Sejiwa* ini disertai oleh para pelajar dari Universiti Awam (UA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pemimpin masyarakat, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, Ketua-ketua Jabatan Negeri, wakil dari Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara dan Badan-badan bukan Kerajaan (NGO).

Majlis dimulakan dengan gimik perasmian oleh Menteri Besar Pahang, Dato' Seri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob dan seterusnya majlis penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan fotografi dan video pendek yang bertemakan '*Negaraku Sehati Sejiwa*'. Memeriahkan majlis adalah persembahan kebudayaan dan sketsa pelbagai kaum dan etnik di Malaysia seperti Melayu, Cina, India, Orang Asli, Sabah dan juga Sarawak.



Menurut Dato' Seri Diraja Haji Adnan, sambutan ini dapat meningkatkan penghayatan rakyat terhadap Perlembagaan dan Rukun Negara yang menjadi perisai dalam mengukuhkan ikatan memartabatkan pemuafakatan nasional. "Sambutan ini juga bagi menanam semangat cintakan Negara dan mengeratkan perpaduan, persefahaman antara kaum bagi menyemarakkan lagi semangat 1 Malaysia," katanya.

Lebih 10 reruai (booth) disediakan termasuklah pameran gambar pertandingan fotografi, pemeriksaan kesihatan oleh kakitangan Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), kaunter derma darah dan derma organ, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesenian & Kebudayaan Pahang, Balai Bomba dan Penyelamat Pahang, Pejabat Rela Daerah Kuantan, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan Arkib Negara.



Turut tampil membuat persembahan pesilat negara, Mohd Al- Jufferi Jamari atlet dari negeri Pahang yang meraih pingat emas empat kali berturut-turut dalam Sukan SEA bermula 2011 di Indonesia, 2013 di Myanmar, 2015 di Singapura dan terkini 2017 di laman sendiri iaitu di Malaysia. Beliau yang juga pemenang pingat emas dalam kejohanan silat dunia ke-16 di Phuket Thailand berkongsi pengalaman dalam membawa nama Malaysia ke peringkat dunia.

Hadir sama dalam majlis Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia Dan Tugas-Tugas Khas Negeri (ADUN Guai), Dato' Norol Azali Sulaiman, Pengarah Perpaduan Negeri Pahang, Fairjobanun Zainal Abidin dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antabangsa), Prof. Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Disediakan Oleh Siti Sarah Mohamad Rajimi dari Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 19-09-2017, 10:24:02